

Leretkan jawapan yang betul di tempat kosong.

paling	sangat	terlalu	sekali
kurang	amat	sungguh	agak

Pada pagi itu, Encik Nazri dan keluarganya dalam perjalanan ke Johor Bahru. Mereka hendak bercuti di sana selama tiga hari dua malam. Mereka berasa seronok _____. Encik Nazri memandu kereta dengan cermat _____.

Encik Nazri _____ mementingkan aspek keselamatan. Sebelum bertolak ke Johor Bahru, beliau memeriksa keadaan keretanya terlebih dahulu. Dia membawa keretanya ke bengkel untuk diperiksa. Setelah memastikan semuanya selamat, barulah beliau bergerak ke destinasi yang dituju.

Setelah dua jam memandu kereta di lebuh raya itu, Encik Nazri _____ penat dan mengantuk _____. Beliau telah berhenti di sebuah Hentian Rehat dan Rawat untuk berehat. Mereka berehat di sebuah pondok yang disediakan di hentian itu. Cuaca Ketika itu agak mendung. Selepas berehat, beliau membawa isteri dan anak-anaknya makan di medan selera.

Selepas berhenti rehat selama sejam, encik Nazri meneruskan perjalanan. Namun, dalam perjalanan, tiba-tiba hujan turun dengan lebatnya. Pandangannya juga _____ jelas kerana hujan _____ lebat. Beliau memandu dengan cermat sekali. Baginya, yang _____ penting adalah keselamatan mereka sekeluarga. Biar lambat asalkan selamat tiba di destinasi.